



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA**  
Bahagian Pengurusan Latihan  
*Training Division*  
Aras 3 dan 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks (Fax) : 603-8885 0748  
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM500-3/4/9 Jld.10 (10)  
Tarikh : 19 Februari 2020

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2021.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk memohon penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) Secara Sepenuh Masa Sesi 2021. Penajaan HLP ini terbuka kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan.

3. **Penajaan ini tidak meliputi pegawai di Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensiyang dimaksudkan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), Kementerian Pertahanan Malaysia (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), dan Kementerian Kesihatan Malaysia (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), jabatan/agensy/badan berkanun yang diswastakan/ dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya (dibebaskan atau tidak dibebaskan) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT NO : QMS 01948

4. Urusan temuduga untuk permohonan HLP Sesi 2021 akan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), JPA. Penawaran bagi HLP Sesi 2021 ini akan dilaksanakan mengikut tarikh seperti berikut :

TARIKH	KETERANGAN
14 Februari – 6 Mac 2020	Permohonan secara atas dalam talian melalui Portal eSila, JPA <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>
<b>2 Mac 2020</b>	<b>Tarikh akhir penerimaan dokumen di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM</b> untuk penyelarasan
13 Mac 2020	Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan
April 2020	Semakan panggilan ke sesi temuduga melalui Portal eSila, JPA <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>
Jun 2020	Semakan keputusan calon berjaya di Portal eSila, JPA <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>

5. Syarat-syarat permohonan adalah seperti di **Lampiran 1** dalam surat JPA(I)S.175/22/1 Klt.15 (3) bertarikh 14 Februari 2020 yang boleh dimuat turun di laman portal JPA <http://esilav2.jpa.gov.my> dan cara-cara memohon adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**.

6. Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi **tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**


7. Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan oleh Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan pada tahun 2021 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.

8. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua pegawai Gunasama dari kumpulan P&P yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZLAN BIN AHMAD)**

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

## TATACARA PERMOHONAN

1. Calon perlu mengisi borang permohonan secara atas talian (*online*) melalui laman web JPA <http://esilav2.ipa.gov.my> yang dibuka mulai **14 Februari sehingga 6 Mac 2020**. (Calon perlu kemukakan borang dan dokumen yang lengkap selewat – lewatnya pada **2 Mac 2020** di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM).
2. Calon adalah dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan juga hendaklah mempertimbangkan calon-calon yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan hanya menyokong calon yang boleh dilepaskan.**
3. Calon perlu melengkapkan dan menyediakan dokumen-dokumen berikut:-
  - i. **Tiga (3) set** borang permohonan secara atas talian (*online*) yang telah lengkap diisi dan dicetak dari laman portal JPA;
  - ii. **Tiga (3)** salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya;
  - iii. **Tiga (3)** salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya ada);
  - iv. **Tiga (3)** salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga);
  - v. **Lima (5)** set Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian;
  - vi. **Tiga (3)** Salinan Slip Keputusan TOEFL atau IELTS bagi permohonan pengajian di luar negara;
  - vii. **Tiga (3)** Salinan Surat Akuan Doktor oleh Pegawai Perubatan & Kesihatan berdaftar sekiranya pegawai atau ahli keluarga menghidap penyakit kronik; dan
  - viii. **Tiga (3) salinan** Buku Perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan.

4. Calon perlu menghantar dokumen yang telah dilengkapkan pada atau sebelum **2 Mac 2020 (Rabu)** kepada:-

Program Kepakaran 2  
Cawangan Operasi Latihan  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Aras 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya  
**(u.p En. Mohd Akbal Bin Ghazali)**

5. Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses** untuk tujuan pertimbangan.
6. Calon **tidak perlu mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia - JPA (L) LDP 1A/96 (Lampiran B)** kerana akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.
7. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini boleh dirujuk ke Program Kepakaran 2, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM seperti berikut:-

Pn. Nur Al Syakirin binti Mohd Jofferi  
Email: [alsyakirin@moh.gov.my](mailto:alsyakirin@moh.gov.my)  
No. Telefon: 03-8885 0660  
No. Faks: 03-8885 0746

**s.k.**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

## **SENARAI EDARAN**

Semua Pengarah Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital  
Kementerian Kesihatan Malaysia